



SOALAN LAZIM

PROGRAM CERTIFICATE IN BOOKKEEPING (CIB) LONDON CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY (LCCI) LEVEL 1

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) BEAUFORT, SABAH

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan Program Certificate In Bookkeeping (CIB) London Chamber Of Commerce And Industry (LCCI) Level 1, Kolej Profesional MARA (KPM)?**

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran profesional kepada pelajar dalam bidang “bookkeeping” dan akan memperolehi sijil yang diiktiraf oleh industri. CIB - LCCI Level 1 dianugerahkan oleh badan profesional Pearson London Chamber of Commerce and Industry (LCCI).

Program ini dijalankan selama 14 minggu di Kolej Profesional MARA (KPM) Beaufort, Sabah

2. **Apakah syarat kelayakan untuk memohon program LCCI?**

Pelajar memperoleh sekurang-kurangnya **Gred D** dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), termasuk subjek :

- a. Bahasa Melayu;
- b. Bahasa Inggeris **DAN**
- c. Matematik

3. **Selepas menamatkan pengajian program LCCI, ke manakah saya boleh melanjutkan pengajian?**

Pelajar boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat LCCI Level 2 hingga Level 4 atau pelajar boleh terus bekerja sebagai Kerani Perakaunan.

4. **Apakah syarat am kemasukan ke Kolej Profesional MARA?**

Syarat am kemasukan ke Kolej Profesional MARA adalah seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Bumiputera Sabah;
- c. Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia 2021 dan tahun sebelumnya;
- d. Berumur 18 tahun sehingga 35 tahun.

5. **Apakah subjek yang akan dipelajari oleh pelajar program LCCI Level 1?**

Pelajar akan mempelajari subjek *LCCI Level 1 Certificate in Bookkeeping* dan *Business English* sepanjang 3 ½ bulan pengajian.

6. **Bagaimanakah sekiranya saya ingin memohon program LCCI Level 1 di Kolej Profesional MARA?**

Pemohon boleh melayari laman sesawang Unit Pusat Institusi MARA (UPIM), Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) di alamat <https://hi-edu.my/>. Pendaftaran adalah percuma.

7. **Apakah kemudahan yang disediakan oleh pihak MARA bagi pelajar Program LCCI Level 1 Kolej Profesional MARA?**

Pelajar Kolej Profesional MARA yang ditawarkan pengajian akan disediakan kemudahan seperti berikut:

- a. Yuran pengajian (tuition fee) selama 3 ½ bulan ditanggung sepenuhnya oleh MARA.
- b. Penginapan asrama adalah secara percuma.
- c. Elaun Sara Hidup (ESH) sebanyak RM250.00 sebulan akan dibayar kepada pelajar yang telah melengkapkan pengajian IEP dan kemudian mendaftar sebagai pelajar Diploma di Kolej Profesional MARA (KPM) pada sesi kemasukan berikutnya.

8. **Berapakah bayaran yuran yang dikenakan bagi pengajian Program LCCI Level 1 di Kolej Profesional MARA?**

Yuran pendaftaran adalah sebanyak **RM 265.00** sahaja yang perlu dibayar melalui aplikasi MARAeps atau boleh dibayar melalui laman sesawang MARAeps di alamat <http://bayar.maraeps.my/login>.

9. **Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi UPIM BPT MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:

Telefon : [03-26134074](tel:03-26134074) / [03-26134075](tel:03-26134075) / [03-26134076](tel:03-26134076) / [03-26134077](tel:03-26134077) / [03-261 34084](tel:03-26134084) /
[03-261 34056](tel:03-26134056)

WhatsApp : [011-58521184](https://wa.me/011-58521184)

Facebook : <https://www.facebook.com/hiedumara>

Twitter : https://twitter.com/Hi_EduMARA

Instagram : <https://www.instagram.com/hiedumara/>

Telegram : <https://t.me/HiEduMARA>

E-mel : upim.bpt@mara.gov.my

WAKTU URUSAN		
HARI	Isnin hingga Khamis	Jumaat
MASA	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	9.00 pagi – 12.15 tengah hari
REHAT	1.00 tengah hari – 2.00 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang
MASA	2.00 petang – 4.30 petang	2.45 petang – 4.30 petang
TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		